

27/05/2004

China: Cabaran, peluang kepada ekonomi Malaysia

By Mior Kamarul Shahid

PENGANALISIS meramalkan pertubuhan ekonomi Asia Timur tidak akan bertahan bagi tempoh maksimum 22 tahun, tetapi ekonomi China membuktikan ia terus meningkat dan stabil melepasi 25 tahun. Dengan memberi gelaran 'China Miracle', penganalisis juga melihat pertumbuhan ekonomi China mencapai 9.2 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Sekarang, ramai pula meramalkan risiko yang dihadapi pelbagai sektor di republik itu. Penganalisis politik pula melihat peranan yang dimainkan China di rantau ini dan dunia dengan menganggapnya sebagai satu kuasa ketenteraan baru yang boleh memberi pelbagai kesan kepada dunia - bergantung kepada siapa dan negara mana yang bercakap mengenai China.

Hakikatnya, ramalan mengenai perkembangan politik dan ekonomi Republik Rakyat China menjadi topik perbincangan sepanjang masa. Berasaskan kepada kedudukannya sebagai negara kedua terbesar di dunia dengan jumlah penduduk 1.3 bilion orang di samping kemajuan dalam pelbagai bidang, China sudah lama digeruni.

Sebagaimana hebat kisah pengembaraan dan keberanian Laksamana Cheng Ho sebagai pelayar agung pada abad ke-15, begitu jugalah hebat perbincangan mengenai kebangkitan China pada abad ke-21 ini.

Pengembaraan bersejarah Cheng Ho dari China ke Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika Timur, dilakukan satu kurun lebih awal daripada pengembaraan Barat seperti Christopher Columbus, Vasco Da Gama dan Ferdinand Magellan.

Ini jelas menunjukkan kemampuan rakyat China di dunia hari ini. Tidak menghairankan jika banyak keputusan yang ditentukan oleh sama ada di Rumah Putih atau pertubuhan dunia dan serantau mengambil kira kedudukan China.

Diukur daripada kuasa membeli purata sejak China mula meliberalisasi dan melakukan reformasi pasaran 20 tahun lalu, tidak ada siapa boleh mempertikaikan penguasaan ekonomi republik itu.

Menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 2001, China mempunyai lebih dagangan dengan negara lain di dunia, sekali pun berbanding Amerika Syarikat. Dari konteks hari ini, China sudah mula memajukan industri teknologi tinggi, rakyatnya di luar negara mula pulang untuk menjadi usahawan manakala firma asing melihat potensi pengguna rakyat China yang begitu ramai, menjadikannya sebuah negara paling logik untuk menanam modal. Tahun lalu firma asing melabur AS\$57 bilion (RM216.6 bilion) di republik itu.

China terbukti memperkukuhkan kedudukannya dalam proses globalisasi. Hari ini pelabur yang terbabit dalam banyak aktiviti ekonomi terpaksa mengambil kira faktor China dalam membuat sebarang keputusan. Ini membuktikan China sering menjadi perhatian kerana kuasa ekonomi dan politiknya.

Apapun persepsi dunia terhadap politik dan ekonomi republik itu, Malaysia menganggap China sebuah negara terpenting dari segi perdagangan. Daya usaha Malaysia mengadakan dialog dengan China pada 1990 adalah petanda awal pengiktirafan potensi China sebagai negara perdagangan antarabangsa dan politik.

Pemilihan China sebagai negara lawatan rasmi pertama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mulai hari ini hingga 31 Mei ini, menunjukkan negara itu mempunyai ikatan yang kukuh dengan Malaysia.

Sebelum ini, Abdullah pernah menyatakan dua perkara penting berhubung perbezaan antara kedua-dua yang perlu diperhatikan, pertama dari segi

kemampuan dan kedua, kepentingan. Baginya, China adalah sebuah negara besar dengan penduduk yang ramai tetapi secara relatifnya ia baru kepada ekonomi dunia.

Walaupun Malaysia sebuah negara kecil, ia dinamik dan mempunyai sejarah yang panjang dalam perniagaan antarabangsa dan pelaburan. China dengan upah buruh yang rendah dan pasaran domestik yang besar memberi cabaran kepada negara perindustrian seperti Malaysia.

Bagi Malaysia, kebangkitan ekonomi China dilihat sebagai cabaran dan peluang. Malaysia adalah negara pelaburan 15 terbesar di China membabitkan 2,888 projek dengan jumlah kontrak RM27.2 bilion dan nilai yang dihasilkan RM11.7 bilion Disember tahun lalu.

Dalam bidang ekonomi, perangkaan tahun lalu menunjukkan China adalah pasaran eksport keempat terbesar Malaysia dengan eksport bernilai AS\$6.8 bilion (RM25.8 bilion). Eksport Malaysia ke China adalah lebih tinggi jika perdagangan menerusi Hong Kong diambil kira kerana dianggarkan 56 peratus import Hong Kong dari Malaysia bernilai AS\$3.8 bilion (RM14.4 bilion) dieksport semula ke China.

Dari segi perdagangan Malaysia-China, jumlahnya meningkat dari RM29 bilion pada 1997 kepada RM73 bilion hari ini. Sejak tiga tahun lalu, perdagangan dua hala Malaysia-China meningkat 270 peratus. Eksport Malaysia ke China dijangka meningkat tahun ini berikutan pelaksanaan Program Tuaian Awal (EHP) Perjanjian Perdagangan Bebas Asean-China sejak Januari lalu. EHP adalah program yang membabitkan penghapusan tarif bagi barangan dan bidang terpilih ke arah kerjasama ekonomi bagi memudah cara dan menggalakkan aliran perdagangan dan pelaburan.

Lawatan Abdullah dapat memperkasa hubungan Malaysia dan China di semua peringkat untuk memaksimumkan peluang dan segala bentuk kerjasama. Menerusi kerjasama yang dimulakan sejak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak pada Mei 1974 sewaktu republik itu masih mengamalkan dasar tutup pintunya, diperkukuhkan lagi oleh Allahyarham Tun Hussein Onn dan diperbaharui menerusi kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, kini persahabatan kedua-dua negara terus `diikat` dari peringkat pembuat dasar kepada ahli perniagaan hinggalah rakyat dan rakyat.

Abdullah akan mengukuhkan lagi hubungan yang juga dianggap satu cabaran kerana seluruh dunia berharap untuk merapatkan diri dengan China sama ada di segi ekonomi dan politik. Bagi pemimpin China, Abdullah bukanlah asing bagi mereka.

Ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi, sebelum itu, Menteri Luar, Abdullah sudah pun dikenali di kalangan pemimpin China. Tahun lalu Abdullah melakukan lawatan ke China sebagai persediaan untuk menjalinkan hubungan dengan lebih rapat apabila menjawat jawatan Perdana Menteri. Sekarang, Abdullah sudah pun dilantik sebagai Perdana Menteri dan beliau akan menjadi tunggak utama bagi menjalin hubungan dengan China.

Lawatan Abdullah amat bertepatan sekali kerana 2004 diisytiharkan sebagai Tahun Persahabatan Malaysia-China dengan pelbagai acara sambutan sempena ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik Kuala Lumpur-Beijing serentak ulang tahun ke-600 sejarah hubungan China dengan Tanah Melayu.

Pelbagai acara yang dilihat sebagai ikatan mesra kedua-dua negara dari forum perniagaan dan ekonomi hinggalah ke majlis budaya, sudah dianjurkan. Baru-baru ini sebuah buku Tamadun China dan Kamus Bahasa Melayu-China-Inggeris dilancarkan. Bagi memperingati ulang tahun 600 pengembaraan Cheng Ho dan 30 tahun hubungan diplomatik Malaysia-China, Muzium Cheng Ho dibuka di Stadhuys, Melaka.

China, yang bukan saja menjadi kuasa ekonomi tetapi juga kuasa sains dan teknologi, sudah pun menyatakan hasratnya untuk mengambil bahagian secara aktif dan membina di Asia Timur. Minat China disambut dengan baik kerana dengan kemajuan China dan masyarakatnya, turut menjadikan rantau Asia

Timur lebih makmur.

Ia akan menjadi penggerak utama dalam kerjasama serantau seperti mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean yang mana negara rantau itu dapat mengoptimalkan faedah sinergi dan mewujudkan pasaran di kalangan mereka. Penyertaan China dalam kerjasama Asia Timur yang mengandungi 10 negara Asean dan Korea Selatan dan Jepun, menjadikan negara ini dinamik dan berkesan.

Malaysia dan China mampu meluaskan hubungan ekonomi kerana mempunyai hubungan diplomatik sejak 30 tahun lalu. Selain perdagangan, hubungan rapat antara kedua-dua negara juga perlu dilihat dari skop kesetiakawanan yang boleh diperluaskan menerusi hubungan rakyat-rakyat dengan menambahkan bilangan lawatan semasa rakyat selain pertukaran maklumat mengenai kerajaan masing-masing.

Di segi pelancongan, rakyat China adalah antara yang teramai melawat negara ini. Pada 2002, kira-kira 550,000 rakyat negara itu melawat Malaysia. Rakyat China berpotensi memeriahkan suasana pelancongan di negara ini, apatah lagi Malaysia adalah sebuah negara yang turut didiami oleh masyarakat China.

Kerajaan China memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk melancong ke mana-mana saja di luar negara. Sektor pelancongan melihat kehadiran rakyat China ke Malaysia sebagai satu potensi yang amat besar.

Hubungan yang terjalin antara negara dibuktikan dengan pelbagai bentuk perjanjian. Dalam lawatannya tahun lalu, Abdullah menyaksikan 15 memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara ahli perniagaan kedua-dua negara.

Kerajaan pula menandatangani lima MoU dalam bidang buruh, kajian angkasa, remote sensing, pelancongan dan kerjasama pertanian. Malaysia dan China juga mempunyai program eksekutif menerusi perjanjian kerjasama budaya Malaysia-China 2004-2007, sebagai lanjutan daripada program eksekutif 2000-2002.

Kedua-dua negara menandatangani perjanjian budaya pada 1999 yang mana kedua-dua negara bersetuju untuk bertukar dan bekerjasama dalam bidang budaya, seni arkeologi dan museologi, arca dan pendidikan kesenian.

Lawatan Abdullah dapat meningkatkan hubungan Malaysia dan China di semua peringkat untuk memaksimumkan peluang dan kerjasama. Menerusi kerjasama ini akan membolehkan rakyat dan ahli perniagaan kedua-dua negara mengikut perkembangan terbaru mengenai kedua-dua negara. Ia juga menimbulkan kesedaran kepada masyarakat peniaga mengenai daya usaha kerajaan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dua hala dengan China. Usaha sama seperti ini boleh mewujudkan lebih banyak rangkaian perniagaan.

Sektor swasta perlu menjadi barisan depan untuk menjayakan usaha ini. Bagi peniaga yang mengeluarkan produk halal, mereka melihat potensi 60 juta rakyat China beragama Islam di negara itu. Usaha sama seperti ini boleh mewujudkan lebih banyak rangkaian perniagaan. China menunjukkan keyakinan dengan ahli perniagaan Malaysia kerana melihat kemajuan di Malaysia.

Dari aspek pelajaran, kira-kira 10,000 pelajar China di institusi pengajian tinggi swasta di negara ini yang boleh diperluaskan lagi.

(END)